

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa lama sekatan-sekatan terhadap rakyat yang tidak lengkap vaksin di tempat-tempat awam dan di pejabat-pejabat akan diteruskan oleh pihak Kerajaan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Dalam usaha untuk memastikan negara berjaya keluar daripada pandemik COVID-19 dengan selamat atau *#reopeningsafely*, kita perlu menerima hakikat bahawa kita semua terpaksa hidup bersama virus COVID-19. Kita perlu sentiasa berhati-hati dan tidak boleh untuk cepat berasa selesa dan bersikap sambil lewa dalam menjalankan aktiviti seharian kita.

2. Justeru, selain terus mengingatkan rakyat untuk mengamalkan SOP, Kerajaan akan sentiasa berpendirian tegas dalam mengenakan dan meneruskan sekatan-sekatan bagi memastikan penularan jangkitan COVID-19 dapat dibendung dan tidak menjangkiti golongan berisiko tinggi seperti golongan emas dan kanak-kanak. Vaksin COVID-19 terbukti berkesan mengurangkan kes kritikal dan kematian untuk kita

meneruskan kehidupan dengan selamat. Ingat, "Kita tidak selamat sehingga semua selamat".

3. Kerajaan juga telah bersetuju agar kemudahan vaksinasi lengkap untuk golongan dewasa ketika ini diperluaskan kepada golongan remaja yang telah divaksin lengkap. Ini bermakna syarat vaksinasi lengkap bagi remaja berumur antara 12 hingga 17 tahun akan dinyatakan di dalam semua SOP dan akan dilaksanakan sepenuhnya sekitar pertengahan November.
4. Justeru, individu yang belum lengkap vaksin kecuali yang tidak boleh divaksin atas faktor kesihatan, amat disaran mengambil vaksin dengan segera kerana ianya dapat melindungi diri dan orang lain serta mengelak dari kemunculan varian baharu yang lebih bahaya dan mengancam nyawa.
5. Kerajaan juga telah mewajibkan semua pegawai perkhidmatan awam Persekutuan untuk mengambil vaksin bagi memberi keyakinan dan jaminan kepada orang awam serta melancarkan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.